

28/11/1997

Tuduhan GPK1 keterlaluan

Polietilena '97

SAYA merujuk kepada surat `GPK 1' bertajuk `Penganjur seminar aibkan peserta' di ruang ini bertarikh 27 Oktober 1997.

Komen GPK 1 agak keterlaluan dan didorong perasaan bongkak dan angkuh. Tuduhannya terhadap penganjur seminar di sebuah maktab perguruan di Kuantan, Pahang adalah tidak munasabah.

Ini kerana kejayaan sesuatu seminar terletak pada peserta bukannya berdasarkan kelazatan dan layanan istimewa yang diberi. Ini jelas menunjukkan GPK 1 tidak profesional dan terlalu mementingkan diri dan perut sendiri.

Perkara yang sengaja ditimbulkan GPK 1 ternyata sesuatu yang remeh temeh. Memang tidak dinafikan peserta adalah daripada golongan elit dan bergaji besar.

Namun adakah dengan minum dalam cawan plastik seperti di kantin sekolah GPK 1 terasa begitu terhina? Begitu juga dengan hidangan ayam pencen yang juga ditimbulkan oleh GPK 1.

Pada saya keadaan ini adalah biasa kerana ia dianjurkan oleh maktab, lainlah jika seminar itu diadakan di hotel lima bintang.

Saya rasa GPK 1 mungkin tidak pernah menghadiri kursus selain daripada yang diadakan di hotel lima bintang, sebab itulah GPK 1 terasa dirinya diaibkan oleh cara penyediaan makanan sewaktu berlangsungnya seminar.

Untuk pengetahuan GPK 1, andainya masih belum tahu, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad turut minum dalam cawan plastik yang digunakan seperti kantin di sekolah ketika menghadiri kursus bina negara dan beliau sendiri yang mencuci pinggan dan cawannya.

GPK 1 dikira beruntung kerana tidak disuruh membasuh perkakas yang digunakan.

Di sini saya ingin menyarankan GPK 1 supaya tidak terlalu angkuh dengan jawatan yang dipegang. Apa yang berlaku terhadap diri anda tidaklah terlalu mengaibkan berbanding skuad bola sepak yang kalah di sukan SEA.

Anggaphlah ia ujian. Kepada penganjur seminar jadikan ia pengajaran.